

---

Title	M23
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1988 Muhammad Ariff bin Ahmad

SBC – RADIO 2: RECORDING ON .....

mpm23 [160]

PROGRAMME MESTIKA PUSAKA [M23]

PRODUCER : NORDIN KASSIM

SCRIPTWRITER : HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD

PRESENTER 1 : .....

PRESENTER 2 : .....

DATE OF BROADCAST: 15 SEP 88

DATE OF REPEAT: 17 SEP 88

Sept 09, 1988

=====

GRAM · SIGNATURE TUNE [THEME SONG].. UNDER..

ANNC Salam sejahtera dan salamukhuwah..  
Para pendengar yang berbahagia lagi bertuah!  
Syukurlah bahawa kita berada dalam keadaan sihat dan afiat.  
Maka dengan izin Allah yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa,  
dapat kita bertemu lagi dalam kesempatan berbeka bicara mer-  
nerusi ruangan kesayangan kita, MESTIKA PUSAKA..  
Sebagai tanda kesyukuran itu, marilah kita menfaatkan saat  
sejahtera ini dengan mengikuti satu lagi beka bicara yang  
mengenai beberapa peribahasa warisan yang terpusaka..  
Dengan demikian, mudah-mudahan.. sambil menikmati periba-  
hasa-peribahasa pusaka itu bertambah pula kebijaksanaan  
kita sehingga dapat kita menfaatkan kebijaksanaan itu se-  
bagai pembimbing kita mendaki kehidupan yang penuh dengan  
liku dan ranjau..

GRAM THEME SONG.. LINK MUSIC..

PRES 1 Para pendengar yang cendekia lagi bijaksana!  
Mari kita mulakan beka bicara peribahasa pada kesempatan  
ini dengan bertitik tolak dari sebuah pantun peribahasa  
yang berkata:

PRES 2 Burung merbuk terbang melayang,  
Hinggap bertenggek di dahan mati;  
Kalau menepuk air di dulang..  
Nanti memercik ke muka sendiri!

PRES 1 Peribahasa: menepuk air di dulang mercik ke muka sendiri  
itu menyindir seseorang yang membuka atau mendedahkan ke-  
aiban saudara-maranya, nescaya dia akan beroleh malu juga;  
malu kerana rahsia saudaranya diketahui umum..

PRES 1  
(contd)

Bagaimanapun, keaiban itu bukanlah sesuatu yang cemar semata-mata.. bukan pula mesti sesuatu yang tercela.. kadang-kadang keaiban itu hanya suatu perkara.. bersifat peribadi yang terahsia.. bukan untuk dijadikan khabar cerita.. malu.. bermalu atau mempunyai malu adalah suatu nilai moral yang semulajadi.. bagi orang-orang Melayu yang punya harga diri. Orang-orang yang tidak bermalu dianggap tidak bersopan.. tidak punya harga diri! Justeru, untuk memelihara maruah diri tadi.. seseorang itu keberatan rahsia peribadinya ditelanjangi..

PRES 2

menepuk air di dulang, tidak sama dengan membukakan pekung di dada.. Namun demikian halnya, hati orang yang didedah rahsiannya.. pasti tersinggung juga.. kerana peribahasa telah mengungkap dengan jelas: siapa makan lada dialah berasa peda.. maka peribahasa: menepuk air di dulang mercik ke muka sendiri tadi.. mengingatkan manusia supaya berhati-hati: antara orang bersaudara.. haruslah pelihara memelihara.. jangan sampai ada.. rahsia peribadi yang terbuka.. menjadi ketara.. dari selatan sampai ke utara!  
Kalau bicara, biarlah yang membina.. apabila bertindak, biarlah yang berguna.. kerana bicara dan bertindak sesuka hati.. ada resikonya sendiri-sendiri.. sama ada: ikut hati mati, ikut resa binasa.. mungkin pula: sebab pulut santan binasa; sebab mulut badan merasa!

PRES 1

Karmina pepatah: ikut hati mati, ikut resa binasa.. tadi menyindir seseorang yang mengikut hawa nafsunya.. yang berbuat sesuatu mengikut kehendaknya.. termasuk yang mendedahkan aib saudaranya.. pasti dia ditimpa celaka juga.. Demikian pula karmina pepatah: sebab pulut santan binasa; sebab mulut badan merasa itu menyindir orang yang berbicara tanpa kira.. orang yang bercakap semahu-mahunya.. asal mulutnya mengeluarkan suara.. kerap kali diri sendiri juga yang ditimpa celaka!

PRES 2

Akan makna peribahasa: membukakan pekung di dada itu berbeza sedikit dengan makna peribahasa yang mula-mula.. "pekung" melambangkan keburukan yang sukar disembunyikan..

PRES 2  
(contd)

sama seperti kata peribahasa: bangkai gajah dapatkah ditu-  
dung dengan nyiru?

Selain daripada penyakit jahat.. pekung itu berbau kuat..  
sekalipun ia terbebat, sampai tak dapat dilihat.. pekung  
itu dapat juga dikesan siasat..

Bagaimanapun, membukakan pekung di dada.. boleh juga men-  
datangkan manfaat.. jika pekung didedah dengan niat: untuk  
diubat.. bukan dedah, dedah melulu.. dengan maksud memberi  
malu! Demikianlah halnya dengan mendedahkan keburukan se-  
seorang.. untuk mengubah kejahatan menjadi kebaikan adalah  
luhur dan berkebajikan.. seperti kehendak peribahasa: se-  
sat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.. seperti pi-  
nang pulang ke tampuk.. seperti sirih pulang ke gagang!

PRES 1

Peribahasa: sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan  
itu menyarankan supaya seseorang yang telah melakukan ke-  
salahan.. sebaik-baik ia sedar akan kesalahannya, hendak-  
lah dia menyesali kesalahannya; lalu mulai berbuat baik..  
dan terus berbuat kebajikan selama-lamanya.

Akan peribahasa: seperti pinang ke tampuk itu, walaupun ia  
membawa makna bahawa seorang yang sudah lama berdagang..  
pulang juga dia ke kampung halaman.. namun peribahasa itu  
membawa juga makna yang khusus.. iaitu: suami isteri yang  
sudah terputus.. atau yang sudah lama bercerai.. tiba-tiba  
mereka berbaik semula.

PRES 2

Demikian pula peribahasa: seperti sirih pulang ke gagang..  
ia boleh bermakna orang dagang yang pulang ke kampung ha-  
laman.. dan boleh pula bermakna suami isteri yang sudah  
lama bercerai, rujuk kembali..

Sesebuah negara yang sudah ditakluki musuh.. tiba-  
tiba merdeka dan diperoleh semula oleh yang punya, boleh  
juga diumpamakan seperti pinang pulang ke tampuk; seperti  
sirih pulang ke gagang.

Pinang pulang ke tampuk.. atau sirih pulang ke gagang ada-  
lah dua hal yang mustahil berlaku.. namun, jika datang Ke-  
hendak Allah, maka keadaan itu berlaku.. adalah merupakan  
sesuatu yang diharap-harap dan dialu-alukan!

GRAM

LINK MUSIC..

- PRES 1 Para pendengar yang jauhari lagi bistari!  
 Peribahasa: seperti minyak dengan air itu kadang-kadang disebut juga: minyak dengan air bolehkah bercampur? atau minyak dengan air adakah bercampur?  
 Peribahasa itu membahaskan dua orang.. atau dua kumpulan orang yang bermusuhan tidak mungkin bersatu.. sama ada: bersatu fahaman atau bersatu tujuan.  
 Minyak dan air adalah dua macam cecair.. yang kental paduannya.. sehingga jika keduanya dibubuh sebalang.. unsur-unsur itu hanya berpadu sesamanya; tidak mesra dengan yang lainnya – air sama air.. minyak sama minyak.. masing-masing dengan halnya.  
 "balang" ialah bekas atau wadah yang boleh diisi dengan cecair.. seperti minyak dan air..
- PRES 2 Memandang kepada nilai minyak yang lebih mahal daripada harga air.. maka peribahasa: seperti minyak dengan air.. menurut kacamata nenek moyang kita: telah dianggap melambangkan keadaan orang kaya dan orang miskin. Orang kaya mampu membeli minyak maka mereka dapat makan makanan bergoreng; manakala orang miskin harus makan makanan berebus sahaja. Jika minyak dan air menjadi lambang status tingkat masyarakat, maka peribahasa yang bertanya minyak dengan air adakah bercampur itu mengungkap bahawa orang miskin tidak layak bergaul dengan orang kaya..  
 Kalaupun ditakdirkan, kebetulan.. si miskin dan si kaya tinggal sekawasan.. hanyalah kawasan itu yang bersamaan.. tetapi keadaannya berlainan: yang kaya menjadi tuan.. yang miskin jadi pelayan.. yang kaya tinggal di gedung bertingkat.. yang miskin menumpang di bangsal pisang sesikat.. masing-masing dengan halnya.. seperti kata peribahasa: enggang sama enggang, pipit sama pipit!
- PRESS 1 Peribahasa: enggang sama enggang, pipit sama pipit itu mengungkap bahawa tiap-tiap sesuatu itu haruslah dijodohkan dengan yang sama padan.. atau yang sama tarafnya – jika peribahasa itu berbicara tentang jodoh!  
 Jika peribahasa itu diterapkan ke keadaan masyarakat biasa

PRES 1 (contd)      maka peribahasa itu membawa makna yang sama dengan makna peribahasa: minyak dengan air bolehkah bercampur?  
 "enggang" ialah sejenis burung atau unggas yang besar.. manakala "pipit" ialah burung yang berbadan kecil. Enggang dengan pipit dianggap tidak setaraf walaupun kedua-duanya adalah burung juga. Demikianlah halnya dengan "minyak" dan air".. unsur-unsur itu tidak mungkin mesra bersatu.. seperti air dengan susu.. walaupun kedua unsur itu bernama cecair juga..

PRES 2      Ada pula peribahasa yang berkata: enggang lalu ranting patah. Peribahasa itu menyatakan malangnya nasib orang yang biasa berbuat salah.. apabila berlaku sesuatu kesalahan di tempat bekas pesalah itu berada.. maka pada ghalibnya: bekas pesalah itulah yang menjadi suspek pertama dalam kesalah tadi, walaupun sebenarnya, bekas pesalah itu tidak tahu menahu tentang kesalahan itu..  
 Demikianlah hukum manusia.. hukum mayapada yang termaktub dalam pantun pusaka:

PRES 1                      Setali pembeli kemenyan,  
                                     Sekupang pembeli ketaya;  
                                     Sekali lancung keujian..  
                                     Seumur orang tak percaya..

GRAM      • LINK MUSIC..

PRES 1      Para pendengar yang mulia lagi bahagia!  
 Peribahasa: gaharu dibakar kemenyan berbau menyindir seseorang yang memperlihatkan kebolehannya supaya ia dipercayai orang.. namun, meyakinkan orang bukanlah sesuatu yang mudah.. seseorang itu hanya akan dipercaya.. setelah ia cukup teruji.. kemudian terbukti segala janji.  
 "gaharu" ialah sejenis kayu yang harum.. harumnya hanya diperolehi apakala ia dibakar dengan api. Jika dibakar tidak berbau.. tahulah orang bahawa kayu itu bukan gaharu! Demikianlah orang yang minta dipercayai.. jika tidak kelihatan bukti.. setelah ia diuji.. maka mempercayainya tidaklah bererti!

PRES 2      Peribahasa: kemenyan sebesar lutut, jika tiada dibakar

PRES 2  
(contd)

manakan berbau? itu membawa makna: kepandaian seseorang itu haruslah dimanfaatkan.. pengetahuan atau kepandaian itu haruslah diajarkan kepada orang lain yang memerluinya. Dengan memenfaatkannya ilmu itu menjadi berkembang dan subur.. kebalikannya jika ilmu itu disimpan dan dipendam.. maka makin disimpan semakin ilmu itu hilang.. akhirnya ilmu itu menjadi harta yang sia-sia.. yang berilmu menjadi lupa.. yang mengharapkan ilmu tak dapat apa-apa!  
Adapun kebijaksanaan peribahasa tadi ialah mendorong manusia supaya mencari dan memberi ilmu.. supaya pemikiran manusia itu bertambah maju.

PRES 1

Di daerah lain peribahasa itu disebut sebagai: apakah gunanya kemenyan sebesar tungku kalau tidak dibakar?  
Perbezaan antara kedua peribahasa itu ialah tentang bandingannya.. peribahasa pertama: membandingkan besar kemenyan itu dengan "lutut".. manakala peribahasa kedua: membandingkannya dengan "tungku".  
"tungku" ialah dapur tempat orang memasak.. tungku lebih besar daripada "lutut". Bagaimanapun, perbezaan itu hanya pada saiznya.. pada maknanya sama belaka.. iaitu: ilmu jangan disimpan sahaja.. jika disimpan ia akan hilang percuma.. Kalau hendak menyimpan, ikutlah nasihat peribahasa yang berkata: emas berpeti, kerbau berkandang..

PRES 2

Peribahasa: emas berpeti, kerbau berkandang.. atau variasinya: kerbau berkandang, emas berpura.. mengajar manusia supaya menjaga dan menyimpan harta bendanya.. masing-masing hendaklah disimpan dengan betul ditempatnya.. supaya selamat dan sejahtera miliknya.  
"emas berpeti" bererti: menyimpan emas harus di dalam peri. Demikian pula: "kerbau berkandang" bermakna: memelihara kerbau harus dikandangi. Dengan perkataan lain boleh kita tambahi.. peribahasa tadi.. dengan frasa: isteri berumah, anak bersekolah.. yang membawa maksud: memelihara isteri harus dirumahi.. memelihara anak hari disekolahi..  
"emas berpura" pada variasi peribahasa.. bermakna pula: simpanlah emas di dalam pura. "pura" ialah pundi-pundi, kantung atau dompet.. tempat menyimpan wang atau emas.

PRES 1 Kalau emas disepah-sepah.. kalau kerbau dibiarkan merayau.. itulah alamat harta akan pupus.. tanda kekayaan akan menurun.. membawa manusia ke suatu bencana.. menjadi porak peranda dan papa kedana..

Demikianlah perbezaan manusia memaju ilmu dan memelihara harta.. memaju ilmu dengan banyak dihebah.. secara munasabah.. semakin banyak ilmu itu memberi faedah.. memelihara harta harus menyimpannya dengan sempurna.. makin rapi harta dijaga.. semakin bertambah masa ke masa.. semakinlah makmur kaya raya..

Jikalau kedua perkara.. ilmu dan harta.. dikendalikan dengan saksama: ilmu diraih dengan harta.. harta dipelihara dengan ilmu.. selamatlah manusia hidup di dalam dunia.. semoga di akhirat mereka sejahtera pula!

GRAM LINK MUSIC..

ANNC Para pendengar yang setia lagi budiman!  
Nampaknya, hanya setakat inilah sahaja beka bicara peribahasa yang sempat kita bualkan dalam kesempatan sekarang. Mudah-mudahan, berkat kesabaran pendengar budiman mengikuti siaran ini dengan tekun dan penuh minat, akan dapatlah para pendengar mengambil iktibar dari kebijaksanaan peribahasa-peribahasa tadi. Semoga pendengar setia dapat memanfaatkan pula segala kebijaksanaan itu, sesuai dengan matlamat persembahan MESTIKA PUSAKA ini.. [PAUSE]  
Akhirnya, bagi pihak penerbit, penyampai, penulis skrip saya ucapkan salam ukhuwah, diiringi doa semoga kita sentiasa sihat afiat dan akan dapat pula kita bertemu lagi di lain kesempatan..

GRAM SIGNATURE TUNE.. FADE.. OFF.